

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : KEKANGAN PERTINDIHAN KERJA DALAM AGENSI KERAJAAN NEGERI**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani masalah pertindihan kuasa antara JKR/ JPS/ PBT?
- Nyatakan skop kerja JKR/ JPS/ PBT dalam kerja-kerja perparitan.

**JAWAPAN:**

- Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam sedang meneliti penyeragaman kerja terutama dari segi skop penyelenggaraan jalan dan perparitan di bawah agensi/ jabatan supaya ianya lebih terancang dan sistematik. Cadangan penyelenggaraan jalan diberi tanggungjawab kepada dua (2) agensi iaitu JKR dan PBT bagi memastikan keberkesanan dan penyampaian perkhidmatan penyelenggaraan dapat ditingkatkan dan akan melaksanakan satu projek contoh. Daerah yang dicadangkan untuk projek contoh adalah daerah Kuala Selangor. Kertas Cadangan Pelaksanaan ini telah disediakan dan akan diangkat untuk kelulusan Kerajaan Negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan menyelaraskan semula parit dan saliran di bawah JPS, JKR dan PBT bagi menyelesaikan masalah pertindihan kawasan dan juga parit yang tidak diselenggara. Kerajaan Negeri juga sedang mengemaskini rekod inventori jalan dan perparitan daripada pihak JKR, JPS dan PBT.

Buat masa ini bidang kuasa jalan boleh disemak melalui sistem MARRIS manakala penyelenggaraan sistem perparitan dilaksanakan secara siasatan dan penyelaras bersama oleh pihak JKR, JPS dan PBT.

- Skop kerja penyelenggaraan sistem perparitan oleh JKR dilaksanakan di bawah Kontrak Jangka Panjang di bawah Skop kerja Rutin (RO7) melibatkan sistem perparitan tepi jalan (*Road Side Drain*) yang merangkumi kerja-kerja melibatkan skop pembersihan, pemberian longkang tepi jalan yang rosak dan pengorekan longkang.

Skop kerja penyelenggaraan parit oleh JPS adalah kerja-kerja pengorekan (*Desilting*) yang dilaksanakan sebanyak 1 atau 2 kali setahun mengikut kepada

keadaan semasa sungai. Selain itu, bagi kerja penyelenggaraan berkala adalah pemotongan rumput yang dilaksanakan sebanyak 3 atau 4 pusingan setahun. Selain itu, pihak JPS juga akan melaksanakan kerja-kerja pengukuhan tebing melalui kerja sebut harga sekiranya terdapat runtuhan tebing sungai.

Skop kerja PBT dalam perparitan hanya melibatkan skop pembaikan dan penyelenggaraan di *Right of Way* (ROW) yang di bawah majlis seperti pembersihan longkang, pembaikan longkang dan *culvert* yang rosak, penyelenggaraan pagar longkang dan kerja-kerja menaik taraf longkang mengikut keperluan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PROGRAM SELANGOR MARITIME GATEWAY**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program pembangunan ekonomi dan tarikan pelancong di sepanjang Jajaran Sungai Klang Fasa 1 dan 2?
- b) Apakah impak dan manfaat ekonomi yang bakal diterima oleh penduduk berhampiran kawasan Projek SMG?
- c) Bilakah projek ini dijangka siap sepenuhnya?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PROJEK JALAN KAMPUNG LOMBONG**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah projek naik taraf jalan Kampung Lombong dijangka siap?
- b) Apakah perkara yang mengakibatkan pembangunan projek ini perlahan?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : REVOLUSI HIJAU JOHAN SETIA**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk pewartaan Tanah Revolusi Hijau yang telah menjadi tempat pembakaran terbuka, pembuangan sampah haram, stor barang, kilang haram, depoh kenderaan berat dan lain-lain?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Perbandaran Klang mengambil maklum berkenaan dengan Pewartaan Tanah Revolusi Hijau Johan Setia. Pihak Majlis telah menubuhkan pasukan khas untuk memantau kawasan tersebut. Pihak Majlis juga telah mengeluarkan notis kepada pemilik/ pengusaha tanah untuk mengemukakan pemohonan Kebenaran Merancang (bagi pemajuan yang selaras dengan zon perancangan) dan memulihkan tanah kepada keadaan asal (bagi pemajuan yang tidak selaras dengan zon perancangan). Jika masih tidak mematuhi notis, tindakan pendakwaan ke mahkamah akan diteruskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PARIT KAMPUNG PINGGIRAN BANDAR**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah terdapat garis panduan bagi projek pembangunan perumahan dan perindustrian yang menyalurkan air longkang ke parit kampung?
- Apakah tindakan pihak Kerajaan dalam menangani isu berterusan limpahan air di parit kampung akibat pembangunan bersebelahan yang tidak terkawal seperti yang berlaku di Kampung Jawa Klang?

**JAWAPAN:**

- Rekabentuk bagi cadangan sistem saliran bagi sebarang projek pembangunan perumahan dan perindustrian hendaklah mematuhi keperluan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA 2nd Edition) oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Garis panduan ini dirangka agar aliran air di kawasan pembangunan dapat dikawal di punca dengan menyediakan kolam-kolam takungan dan rekabentuk sistem perparitan yang tidak menyebabkan banjir di kawasan sekitar.
- Antara pendekatan yang diambil oleh pihak Jabatan dalam menangani masalah ini adalah melalui:
  - Memastikan cadangan rekabentuk sistem saliran ke atas pembangunan bersebelahan mengambil kira keperluan saliran keseluruhan di dalam kawasan lembangan.
  - Melaksanakan projek Menaiktaraf Saliran di Kg Jawa bagi menggantikan saiz perparitan yang kecil dan lama serta membina sistem rumah pam bagi mengeluarkan air perparitan ketika air laut pasang.
  - Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaran berkala ke atas sistem saliran di kawasan terjejas sebagai langkah kawalan jangka masa pendek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : S-DAICO (SELANGOR DARUL EHSAN AEROSPACE INDUSTRY COORDINATION OFFICE)**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana struktur fungsi organisasi badan tersebut?
- b) Siapakah yang terlibat di dalam organisasi tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) **S-DAICO (Selangor Darul Ehsan Aerospace Industry Coordination Office)** adalah satu divisyen baru yang ditubuhkan di bawah Invest Selangor Berhad. Ianya bukanlah anak syarikat baru yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. Penubuhan S-DAICO merupakan salah satu langkah pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkasakan dan memantapkan Industri Aeroangkasa sejajar dengan hasrat mengekalkan Negeri Selangor sebagai pemain utama industri aeroangkasa di Malaysia dan menjadikannya salah satu hab aeroangkasa global.

Terdapat lima (5) skop aktiviti di dalam industri ini yang dikenalpasti sebagai pemacu utama industri aeroangkasa di Negeri Selangor iaitu:-

- i. Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih. (*Maintenance, Repair & Overhaul*)
- ii. Pembuatan (*Manufacturing*)
- iii. Sistem Integrasi (*Integrated System*)
- iv. Kejuruteraan dan Rekabentuk (*Desinging & Engineering*)
- v. Pendidikan & Latihan (*Education & Training*)

S-DAICO berperanan sebagai pelaksana dan penyelaras cadangan projek-projek pembangunan aeroangkasa di bawah perancangan Pelan Tindakan Hala Tuju Khusus Aeroangkasa Selangor 2020 – 2030 yang merupakan pelan strategi pembangunan untuk tempoh 10 tahun.

S-DAICO berfungsi untuk membantu syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri aeroangkasa dalam memberikan maklumat, khidmat nasihat serta promosi peluang pelaburan yang berpotensi untuk diterokai. S-DAICO juga bertindak

selaku penyelaras serta memantau pengurusan projek dan peruntukan kewangan yang disalurkan. S-DAICO merupakan urusetia bagi Majlis Aeroangkasa Selangor.

- b) Dalam melaksanakan fungsi dan peranan, S-DAICO dianggotai oleh pegawai-pegawai Invest Selangor yang sedia ada. Pada masa ini, hanya empat (4) orang pegawai dan kakitangan yang bertugas dalam divisyen ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : INSTITUT PEMBERDAYAAN PEKERJA**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah jawatankuasa atau ahli lembaga pengarah (jika ada)?
- b) Sejauh mana peruntukan berjumlah RM1 juta telah digunakan dan untuk tujuan apa?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PEMBERHENTIAN PEKERJAAN**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan syarikat-syarikat yang memberhentikan pekerja akibat wabak Covid-19.
- b) Apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pemberhentian pekerja?

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat sebanyak 368 majikan yang terlibat dalam pemberhentian pekerja sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18.03.2020 sehingga 30.06.2020.
- b) Pemberhentian Pekerja adalah hak majikan. Namun ianya adalah langkah terakhir majikan setelah melaksanakan tindakan-tindakan mengelakkan pemberhentian pekerja iaitu:-
  - (i) membekukan pengambilan pekerja baru kecuali bagi bidang-bidang yang kritikal;
  - (ii) menghadkan kerja lebih masa;
  - (iii) menghadkan kerja pada hari rehat mingguan dan cuti am;
  - (iv) mengurangkan hari-hari bekerja dalam seminggu atau mengurangkan bilangan kerja giliran;
  - (v) mengurangkan waktu bekerja harian;
  - (vi) mengadakan program latihan semula kepada pekerja;
  - (vii) mengenalpasti kerja-kerja alternatif dan pertukaran ke bahagian/kerja lain di dalam syarikat yang sama;
  - (viii) melaksanakan pemberhentian kerja sementara (*lay-off*) misalnya dalam bentuk penutupan sementara (*temporary shut down*) dengan menawarkan gaji yang berpatutan dan membantu mereka mendapatkan kerja

sementara di tempat lain sehingga operasi dapat diteruskan semula. Jika majikan melaksanakan pemberhentian sementara, maklumat berapa lama tempoh pemberhentian sementara tersebut hendaklah dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) untuk tujuan pemantauan sama ada pekerja tersebut diambil semula bekerja atau ditawarkan Pemberhentian Secara Sukarela (VSS) atau pemberhentian tetap pada masa-masa hadapan; dan

- (ix) mengurangkan gaji pekerja (*Pay-Cut*) yang dibuat secara adil di semua peringkat boleh juga dilaksanakan sebagai langkah terakhir selepas langkah-langkah penjimatan kos lain sudah dilaksanakan.

Sekiranya pemberhentian pekerja tidak dapat dielakkan, pekerja-pekerja asing perlu ditamatkan terlebih dahulu. Sekiranya pemberhentian melibatkan pekerja tempatan, prinsip *LIFO (last in first out)* hendaklah dipatuhi. Walau bagaimanapun, prinsip ini boleh diketepikan sekiranya majikan mempunyai justifikasi kukuh. Majikan perlu melaporkan pemberhentian ini kepada Pejabat Tenaga Kerja yang terdekat, 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan pemberhentian. Majikan boleh mendapatkan Garis Panduan Pemberhentian Pekerja di laman sesawang JTKSM ([www.jtksm.mohr.gov.my](http://www.jtksm.mohr.gov.my)).

Selain itu, merujuk kepada sumber daripada Kementerian Kewangan Malaysia, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) yang menggariskan 3 matlamat iaitu lindungi rakyat, sokongan perniagaan dan perkukuh ekonomi seperti di lampiran. Secara tidak langsung ianya turut membantu majikan-majikan yang terjejas dengan Covid-19. (Sumber : Laman Rasmi Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat di laman sesawang Kementerian Kewangan Malaysia).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : BANJIR KAMPUNG BARU SUBANG - JALAN 4D, 5D DAN SEKITAR**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah punca utama banjir di kawasan tersebut?
  - Apakah rancangan jangka pendek (jika ada) oleh Kerajaan untuk menghadapi masalah tersebut?
  - Apakah rancangan jangka panjang oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut?

**JAWAPAN:**

- Punca utama banjir di kawasan ini berlaku disebabkan oleh sistem perparitan yang tidak teratur dan halangan dalam sistem saliran yang tidak diselenggara dengan baik.
- dan c)

Lawatan tapak yang diselaraskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Petaling bersama Majlis Bandaraya Shah Alam, JKR Petaling, JPS Petaling beserta Ketua Kampung telah dibuat pada 10 Jun 2020 bagi mengenalpasti punca banjir dan tindakan yang perlu diambil.

Keputusan perbincangan adalah bagi tindakan jangka pendek, pihak MBSA bersetuju untuk melaksanakan kerja pembersihan di jalan 4D dan JKR akan melaksanakan kerja pembersihan parit tepi jalan. Manakala bagi tindakan jangka panjang, pihak MBSA telah bersetuju untuk mengambil alih penyelenggaraan jalan dan longkang di kawasan Kampung Baru Seri Subang dan akan menjalankan kajian menyeluruh bagi menyelesaikan isu saliran di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : LALUAN ALTERNATIF KE KILANG KILANG - SEKITAR TAMAN DESA  
SUBANG PERMAI U6 SHAH ALAM: MERUJUK SOALAN BETULIS NO.42  
(MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA)**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah "baseline baru" (jika ada)?
- b) Apakah sebarang masalah (jika ada) yang telah atau akan menjadikan projek tersebut tergendala?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Majlis memaklumkan dalam proses cadangan untuk merekabentuk pembinaan jalan tersebut serta anggaran kos projek yang terlibat. Pelantikan perunding dijangka akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Tabung Amanah MBSA pada bulan Ogos tahun 2020.
- b) Pihak Majlis perlu mendapatkan persetujuan daripada semua pemilik lot yang terlibat bagi pembinaan jalan alternatif tersebut dan kos pembinaan jalan tersebut yang perlu ditanggung oleh semua pemilik tanah yang terlibat. Manakala pihak MBSA akan melaksanakan dan menyelaraskan projek pembinaannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : 2 MASJID DI N39 - RUJUK SOALAN MULUT NO:107 (MESYUARAT  
PERTAMA PENGGAL KETIGA)**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sebarang masalah (jika ada) yang menjadi projek tersebut akan tergendala?
- b) Apakah "baseline schedule" terkini?
- c) Mesyuarat bulanan untuk tujuan pemantauan, sejauh mana penglibatan dan/ atau pemakluman kepada ADUN kawasan?

**JAWAPAN:**

- a) Projek tergendala kerana kurang keutamaan bagi memberi keutamaan siling kepada projek lain yang memerlukan.
- b) Masjid Subang Bestari di peringkat penyediaan dokumen tender manakala Masjid Kota Damansara dalam proses penyediaan brif projek dan akan diserahkan kepada pihak JKR pada 9 Julai 2020.
- c) Pelaksanaan dibuat oleh JKR dan JKR ditugaskan untuk memaklumkan kemajuan kerja di tapak. Sehubungan itu, pihak JAIS tiada masalah untuk membuat pemakluman kepada pihak ADUN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERSIARAN ATMOSPHERA - PROJEK PEMBAIKAN JALAN**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah "baseline schedule" terkini projek tersebut?
- b) Apakah sebarang masalah (jika ada) yang telah atau akan menjadi sebab projek tersebut tergendala?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Majlis memaklumkan kerja-kerja di tapak oleh pihak pemaju Worldwide Holding sedang dijalankan dan telah mencapai peratusan kerja sebanyak 60%. Kerja-kerja menaiktaraf dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember 2020.
- b) Pihak Majlis memaklumkan kelewatan projek ini adalah disebabkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mana projek telah dihentikan sepenuhnya. Kerja-kerja ditapak telah disambung semula pada bulan Jun 2020 sehingga projek ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : GARIS PANDUAN (SOP) PEMILIHAN HOTSPOT BAGI PENGGANTIAN  
PAIP USANG**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Garis Panduan (SOP) untuk Air Selangor semasa memilih kawasan hotspot bagi penggantian paip usang yang sering pecah/ bocor?
- b) Terkini, kawasan manakah hotspot yang telah dikenal pasti dan berapakah purata kekerapan kes paip pecah/bocor di kawasan-kawasan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Pemilihan kawasan *hotspot* program penggantian paip usang adalah berdasarkan analisa rekod kekerapan paip pecah. Kekerapan paip pecah ini akan dinisbahkan dengan anggaran panjang paip yang terlibat untuk tempoh satu (1) tahun bagi mendapatkan ratio bilangan kes paip pecah per kilometer per tahun (*burst/km/year*).

Lebih tinggi nisbah sesuatu jalan bermaksud paip yang terlibat adalah lebih kritikal untuk penggantian paip dan berada dalam senarai teratas di dalam senarai keutamaan. Analisa ini dibuat secara berterusan dan senarai keutamaan ini dikemaskini setiap tempoh enam bulan.

- b) Sehingga hari ini, sebanyak 307 hotspot merangkumi 711 km paip telah dicadangkan dan diluluskan di bawah Program Penggantian Paip tahun 2016 sehingga tahun 2020 berdasarkan analisa *burst/km/year* yang dinyatakan di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : MASALAH PENGURUSAN PANGSAPURI OLEH JMB/ MC**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pada musim Covid-19 ini, terdapat pangsapuri-pangsapuri yang tidak mendengar nasihat MKN dan mengambil keputusan sendiri terhadap peraturan rumah strata seperti tidak membenarkan pemilik rumah melakukan mengubahsuaian rumah ataupun perbaiki unit rumah. Apakah yang boleh dilakukan oleh pemilik rumah secepat mungkin, sekiranya berhadapan dengan isu-isu seperti ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan satu pekeliling khusus menggariskan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Sektor Pengurusan Strata. Surat edaran bertarikh 18 Mei 2020 ini telah diedarkan kepada Pesuruhjaya Bangunan di semua negeri di Malaysia untuk dijadikan rujukan kepada pengurusan strata mengikut situasi pandemik Covid 19 dari masa ke semasa.

Berdasarkan SOP tersebut, kerja-kerja pengubahsuaian adalah dibenarkan dengan syarat pengubahsuaian yang dilakukan perlu mendapat kebenaran bertulis daripada pihak pengurusan dan pemilik perlu membuat semakan serta mendapatkan kelulusan daripada Pihak berkuasa Tempatan (PBT).

Selain daripada itu, Kontraktor hendaklah mematuhi SOP yang digariskan dengan melaksanakan kerja mengikut tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut:

Skim strata komersial (retail) - bermula dari jam 10.00 malam hingga 9.00 pagi pada hari Isnin hingga Ahad termasuk cuti umum yang diwartakan;

Skim strata komersial (pejabat) - bermula dari jam 6.00 petang hingga 9.00 pagi pada hari Isnin hingga Ahad termasuk cuti umum yang diwartakan;

Skim strata kediaman - bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat kecuali cuti umum yang diwartakan.

Semua kerja yang menghasilkan bunyi yang kuat seperti penggerudian hanya boleh dilakukan antara 9.00 pagi hingga 1.00 petang sahaja.

Kontraktor juga perlu mematuhi SOP Sektor Pembinaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya.

KPKT juga menetapkan bahawa pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) perlu mematuhi arahan dan peraturan dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] termasuklah mengamalkan penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter, memakai topeng muka 3 lapis (*3-ply face mask*), menyediakan *hand sanitizer* kepada orang awam yang berurus dan melakukan proses nyahkuman secara kerap di dalam premis (*disinfection*). Pengurusan Strata boleh merujuk kepada *Prosedur Operasi Standard (SOP)* di laman sesawang KPKT atau merujuk ke Jabatan Pesuruhjaya Bangunan pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.

Kegagalan untuk mematuhi SOP boleh membawa kepada tindakan undang-undang, penarikan balik kebenaran beroperasi atau apa-apa tindakan yang berkaitan. Kerajaan, melalui kerjasama antara Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, dan lain-lain badan penguatkuasa akan membuat pemantauan dan penguatkuasaan dalam usaha memastikan SOP dipatuhi. Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) diingatkan untuk sentiasa berhubung dengan badan Kerajaan seliaan yang bertanggungjawab untuk sebarang perkembangan terkini.

Sekiranya terdapat mana-mana pengurusan strata yang enggan membenarkan kerja pengubahsuaian dilaksanakan tanpa alasan yang munasabah, aduan boleh dikemukakan terhadap pengurusan skim strata yang terlibat kepada Unit Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan bagi membolehkan teguran dibuat kepada pengurusan skim strata yang terbabit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : STATUS KAD PEDULI SIHAT DAN KISS**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila jelaskan statistik jumlah pemohon dan penerima Kad KISS Selangor dan Kad Peduli Sihat bagi setiap peringkat DUN di bawah Negeri Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Sebagai makluman ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah statistik pemohon dan penerima Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan Kad Peduli Sihat bagi setiap Dewan Negeri Selangor adalah seperti berikut :-

BIL	DEWAN NEGERI	BILANGAN PENERIMA (ORANG)	
		PROGRAM KISS	SKIM PEDULI SIHAT
1	N01 SUNGAI AIR TAWAR	175	1,393
2	N02 SABAK	332	1,345
3	N03 SUNGAI PANJANG	273	1,985
4	N04 SEKINCHAN	256	1,198
5	N05 HULU BERNAM	165	920
6	N06 KUALA KUBU BAHRU	180	1,012
7	N07 BATANG KALI	265	2,020
8	N08 SUNGAI BURONG	499	1,097
9	N09 PERMATANG	364	2,014
10	N10 BUKIT MELAWATI	312	1,909
11	N11 IJOK	276	1,016
12	N12 JERAM	149	1,649
13	N13 KUANG	165	1,400

BIL	DEWAN NEGERI	BILANGAN PENERIMA (ORANG)	
		PROGRAM KISS	SKIM PEDULI SIHAT
14	N14 RAWANG	345	1,603
15	N15 TAMAN TEMPLER	289	1,156
16	N16 SUNGAI TUA	483	1,331
17	N17 GOMBAK SETIA	200	1,381
18	N18 HULU KELANG	176	1,382
19	N19 BUKIT ANTARABANGSA	304	1,381
20	N20 LEMBAH JAYA	190	1,381
21	N21 PANDAN INDAH	118	797
22	N22 TERATAI	142	1,070
23	N23 DUSUN TUA	125	1,358
24	N24 SEMENYIH	505	1,942
25	N25 KAJANG	296	1,691
26	N26 SUNGAI RAMAL	264	1,381
27	N27 BALAKONG	250	822
28	N28 SERI KEMBANGAN	57	1,030
29	N29 SERI SERDANG	137	1,381
30	N30 KINRARA	140	1,692
31	N31 SUBANG JAYA	99	1,261
32	N32 SERI SETIA	275	1,410
33	N33 TAMAN MEDAN	403	1,715
34	N34 BUKIT GASING	31	1,007
35	N35 KAMPUNG TUNKU	33	458
36	N36 BANDAR UTAMA	51	584
37	N37 BUKIT LANJAN	233	1,106

BIL	DEWAN NEGERI	BILANGAN PENERIMA (ORANG)	
		PROGRAM KISS	SKIM PEDULI SIHAT
38	N38 PAYA JARAS	368	1,230
39	N39 KOTA DAMANSARA	315	1,053
40	N40 KOTA ANGGERIK	226	1,329
41	N41 BATU TIGA	232	1,425
42	N42 MERU	385	2,186
43	N43 SEMENTA	311	1,636
44	N44 SELAT KLANG	64	857
45	N45 BANDAR BARU KLANG	266	1,402
46	N46 PELABUHAN KLANG	681	1,377
47	N47 PANDAMARAN	178	1,462
48	N48 SENTOSA	362	1,381
49	N49 SUNGAI KANDIS	110	1,381
50	N50 KOTA KEMUNING	262	1,358
51	N51 SIJANGKANG	158	1,021
52	N52 BANTING	143	1,770
53	N53 MORIB	212	2,005
54	N54 TANJUNG SEPAT	287	1,973
55	N55 DENGKIL	468	1,661
56	N56 SUNGAI PELEK	206	1,746
<b>JUMLAH</b>		<b>13,791</b>	<b>77,531</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : STATUS TANAH IWK YANG TERBIAR SELEPAS LOJI RAWATAN  
KUMBAHAN DINYAHAKTIFKAN**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Sila senaraikan tanah ataupun kawasan loji rawatan kumbahan yang telah dinyahaktifkan (decommissioned) di bawah Kerajaan Negeri Selangor dan masih tidak digunakan untuk apa-apa tujuan lain.
- Apakah yang akan terjadi pada tanah ataupun kawasan loji rawatan kumbahan yang telah dinyahaktifkan dan adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan tertentu untuk tanah-tanah yang tidak ddigunakan ini?
- Sekiranya Kerajaan mempunyai perancangan, sila jelaskan.

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman YAB Dato' Menteri Besar, ringkasan keseluruhan status tanah yang telah dinyahaktifkan (decommissioned) di Negeri Selangor adalah seperti di bawah;

Bil	STATUS TANAH	TAPAK
A	Tanah Kerajaan (Negeri)	<b>46</b>
B	Tanah Milik – Individu/Syarikat	25
C	Tanah Milik – Pihak Berkuasa Tempatan	<b>2</b>
D	Tanah Milik – Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	2
E	Tanah Milik - Agensi Kerajaan	0
F	Tanah Rizab – Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	105
G	Tanah Rizab – Setiausaha Kerajaan	<b>7</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>187</b>

Berdasarkan maklumat tersebut hanya terdapat sebanyak 55 tapak loji pembetungan yang telah dinyahaktifkan (decommissioned) di bawah Kerajaan Negeri Selangor dan senarai lengkap seperti di Lampiran 1

- Untuk makluman YAB Dato' Menteri Besar, IWK merupakan operator yang dipertanggungjawabkan untuk mengoperasi dan menyelenggara aset-aset

pembetungan. Aset pembetungan termasuk tanah adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, selepas aset-aset pembetungan dilucut operasi, aset-aset tersebut akan diserahkan kembali kepada pihak Kerajaan untuk dikawal selia. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan adalah agensi yang dilantik oleh pihak Kerajaan untuk mengawal selia aset-aset pembetungan yang telah dilucut operasi oleh IWK.

Bagi tapak-tapak loji rawatan kumbahan yang telah dinyahaktifkan berdasarkan daripada perancangan infrastruktur pembetungan masa hadapan ianya tiada keperluan lagi untuk tujuan pembetungan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri boleh memohon kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air/ Jabatan Perkhidmatan Pembetungan bagi tukar guna kegunaan tanah kepada kawasan lapang, dewan komuniti dan sebagainya bagi memberi faedah kepada masyarakat setempat.

- c) Tidak berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : TINJAUAN DAN KAJIAN TERHADAP PERKARA ANAK MUDA**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri ada mempunyai apa-apa projek tinjauan & kajian terhadap anak muda? Sekiranya ya, sila senaraikan projek-projek ini sejak tahun 2018 sehingga kini.
- b) Sila senaraikan jumlah populasi anak muda di bawah Negeri Selangor mengikut kumpulan pecahan umur 15-19, 20-24, 25-29, 30-35, 35-40.
- c) Sila senaraikan semua kolej/ universiti milik Kerajaan Negeri Selangor.

**JAWAPAN:**

- c) Kerajaan Negeri Selangor memiliki tiga Institusi Pengajian Tinggi iaitu :-
  1. Universiti Selangor (UNISEL)
  2. Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)
  3. Kolej Antarabangsa INPENS

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : MAKLUMAT IBU TUNGGAL DAN WARGA MISKIN BAWAH DUN BANDAR  
UTAMA**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sekiranya ada, sila sediakan maklumat perhubungan ibu-ibu tunggal serta warga-warga miskin bawah DUN Bandar Utama, termasuk maklumat-maklumat yang dikumpulkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Bandar Utama, buat masa kini Kerajaan Negeri tidak mempunyai pangkalan data khusus yang mengandungi maklumat perhubungan ibu-ibu tunggal serta warga miskin secara menyeluruh untuk Negeri Selangor. Namun begitu, pihak YAWAS mengendalikan dua sistem berasingan khusus untuk ibu tunggal dan warga miskin.

Sistem Jom Shopping adalah satu pengkalan data yang bertujuan untuk mengumpulkan maklumat penerima dari kalangan rakyat miskin yang digunakan khusus bagi Program Bantuan Secara Baucar Untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan. Sistem Jom Shopping Perayaan ini dibangunkan bagi memastikan Program Bantuan Secara Baucar Untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan dilaksanakan dengan baik dan teratur.

Sehubungan dengan itu, maklumat berkenaan warga miskin di bawah DUN Bandar Utama yang telah didaftarkan di dalam sistem ini bermula tahun 2013 sehingga kini adalah seramai 6,791 orang. Manakala jumlah penerima yang hadir untuk menerima bantuan pula adalah seramai 5,408 orang. Jumlah keseluruhan peruntukan yang telah dibelanjakan khusus untuk warga miskin di DUN Bandar Utama bagi Program Bantuan Secara Baucar Untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan pula adalah berjumlah RM540,800.00.

Untuk maklumat ibu tunggal pula, sehingga kini, pihak YAWAS mempunyai sebanyak 98 permohonan yang telah lulus bagi DUN Bandar Utama. Manakala maklumat terperinci bagi kedua-dua maklumat adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

**LAMPIRAN 1 : Sumber Sistem Jom Shopping Perayaan**

## Laporan Peruntukan Mengikut DUN

Tahun : SEMUA Perayaan : SEMUA DUN : BANDAR UTAMA Lihat

DUN	Peruntukan	Program	Jumlah Dijemput	Jumlah Hadir	Jumlah Tidak Hadir	Perbelanjaan	Baki Peruntukan
BANDAR UTAMA	1,030,000.00						
		JSP 1 DAMANSARA UTAMA	99	93	6	9,300.00	1,020,700.00
		JSP 2 DAMANSARA UTAMA	9	9	0	900.00	1,019,800.00
		JSP 3 DAMANSARA UTAMA	180	142	38	14,200.00	1,005,600.00
		JSP 4 DAMANSARA UTAMA	230	0	230	0.00	1,005,600.00
		JSP 5 DAMANSARA UTAMA	143	0	143	0.00	1,005,600.00
		JSP 6 DAMANSARA UTAMA	143	0	143	0.00	1,005,600.00
		JSP 7 DAMANSARA UTAMA	222	160	62	16,000.00	939,300.00
		JSP 8 DAMANSARA UTAMA	120	112	8	11,200.00	928,100.00
		JSP 12 DAMANSARA UTAMA	700	663	37	66,300.00	861,800.00
		JSP 13 DAMANSARA UTAMA	327	279	48	27,900.00	833,900.00
		JSP 14 DAMANSARA UTAMA	149	148	1	14,800.00	819,100.00
		JSP 15 DAMANSARA UTAMA	729	670	59	67,000.00	752,100.00
		JSP 9 DAMANSARA UTAMA	685	640	45	64,000.00	688,100.00
		JSP 10 DAMANSARA UTAMA	245	245	0	24,500.00	663,600.00
		JSP 11 DAMANSARA UTAMA	140	128	12	12,800.00	650,800.00
		JSP 16 BANDAR UTAMA	300	274	26	27,400.00	623,400.00
		JSP 17 BANDAR UTAMA	300	241	59	24,100.00	599,300.00
		JSP 18 BANDAR UTAMA	458	402	56	40,200.00	559,100.00
		JSP 19 BANDAR UTAMA	397	339	58	33,900.00	525,200.00
		JSP 20 BANDAR UTAMA	214	191	23	19,100.00	506,100.00
		JSP 21 BANDAR UTAMA	134	134	0	13,400.00	492,700.00
		JSP 22 BANDAR UTAMA	452	35	417	3,500.00	489,200.00
		JUMLAH	6,791	5,408	1,383	540,800.00	489,200.00
		JUMLAH KESELURUHAN	1,030,000.00			6,791 -201,224 208,015 -20,122,400.00	489,200.00

## LAMPIRAN 1 : Sumber Sistem Jom Shopping Perayaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK PENGGANTIAN PAIP USANG BAWAH NEGERI  
SELANGOR**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan tabung-tabung/ peruntukan yang boleh atau pernah digunakan bagi kos penggantian paip usang di bawah Negeri Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Senarai tabung-tabung/ peruntukan yang pernah digunakan bagi kos penggantian paip usang di bawah Negeri Selangor adalah:
- i. Geran Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM65.60 juta pada tahun 2016.
  - ii. Pinjaman Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM248.7 juta pada tahun 2017.

Selain daripada senarai pembiayaan di atas, kos penggantian paip usang selepas itu adalah menggunakan peruntukan dana dalaman Air Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : TEKANAN BEKALAN AIR**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan garis panduan aras tekanan bekalan air yang seharusnya ada, di setiap kawasan secara terperinci (contoh: termasuk kawasan perumahan, komersial, kilang dan sebagainya).

**JAWAPAN:**

- a) Air Selangor membekalkan air dengan tekanan minima 10m untuk kawasan luar bandar dan 22m untuk kawasan bandar termasuk premis bertingkat seperti "walk-up flat" setinggi 5 tingkat, kilang dan sebagainya.